



TEMUBUAL BERITA HARIAN BERSAMA YB MENTERI
PENGANGKUTAN MALAYSIA

No	Soalan	Jawapan
1	<p><i>Adakah Kementerian Pengangkutan dan JPJ mahu melaksanakan RFID?</i></p>	<p>Cadangan pelaksanaan inisiatif nombor plat kenderaan menggunakan teknologi RFID telah mula diperkenalkan sejak tahun 2006 dengan istilah <i>e-plate</i>.</p> <p>Inisiatif tersebut dicadangkan sebagai usaha menangani masalah yang timbul dengan plat nombor kenderaan sedia ada seperti penggunaan plat kenderaan yang tidak seragam dan tidak mematuhi spesifikasi yang ditetapkan selaras dengan Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 dan Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Pendaftaran dan Pelesenan) 1959.</p> <p>Inisiatif <i>e-plate</i> berteknologi RFID dirancang untuk dilaksanakan selaras dengan pelaksanaan Sistem Penguatkuasaan Secara Automatik (AES).</p> <p>Walau bagaimanapun, pelaksanaan <i>e-plate</i> yang menggunakan teknologi RFID melibatkan implikasi kewangan yang sangat tinggi terhadap Kerajaan dan orang awam dan Kementerian telah memutuskan agar penggunaan RFID</p>

		<p>digugurkan dalam pelaksanaan inisiatif <i>e-plate</i>.</p> <p>Namun begitu, Kementerian Pengangkutan dan JPJ sedang mengkaji cadangan penyeragaman plat nombor kenderaan yang dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan yang mampu menangani masalah-masalah berbangkit. Cadangan pelaksanaan ini masih dalam peringkat kajian terperinci oleh JPJ.</p>
2	<p><i>Saya difahamkan bahawa kontrak pembuatan pelekat cukai jalan JPJ sekarang akan tamat pada penghujung 2016. Adakah MOT dan JPJ akan melaksanakan RFID dengan 'menanam' peranti ini sekali dengan pelekat cukai jalan pada 2017?</i></p>	<p>Kontrak pembekal pelekat cukai jalan JPJ yang berkuatkuasa akan berakhir pada tahun 2017.</p> <p>Melalui inisiatif Projek Pembangunan Semula Sistem Pengkomputeran JPJ, JPJ telah mencadangkan supaya pelekat cukai jalan kenderaan tidak perlu dipamerkan pada kenderaan dan semakan terhadap cukai jalan yang berkuatkuasa boleh dilakukan terus kepada pengkalan data JPJ.</p> <p>Walau bagaimanapun, dengan mengambil kira isu-isu yang mungkin berbangkit yang melibatkan insurans kenderaan serta kestabilan sistem, Kerajaan telah memutuskan supaya pelekat cukai jalan kenderaan dipamerkan di kenderaan seperti amalan sedia ada.</p> <p>Buat masa ini, MOT dan JPJ tidak bercadang untuk melaksanakan penggunaan RFID bersama pelekat cukai jalan kenderaan memandangkan</p>

		cukai jalan kenderaan sedia ada adalah selamat dan dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan bersekuriti tinggi.
3	<i>Adakah JPJ perlu seragamkan terlebih dahulu pengeluaran nombor plat kenderaan bagi pelancaran bersama RFID kelak?</i>	<p>Pada masa ini, MOT dan JPJ sedang mempergiatkan usaha dalam memastikan setiap pemilik kenderaan memasang dan menggunakan plat nombor kenderaan mengikut spesifikasi yang ditetapkan selaras dengan Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 dan Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Pendaftaran dan Pelesenan) 1959.</p> <p>Di samping itu, Kementerian Pengangkutan dan JPJ sedang mengkaji cadangan penyeragaman plat nombor kenderaan tanpa RFID yang dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan sebagai penyelesaian menangani masalah dalam penggunaan plat nombor kenderaan sedia ada.</p>

**Disediakan oleh,
Bahagian Perlesenan Kenderaan
JPJ Malaysia**